

ISI! POTONG GAJI PENJAWAT AWAM

PTPTN sambut baik arahan kerajaan

Langkah bantu tingkat tahap aliran kewangan perbadanan: Shamsul Anuar

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bh.com.my

Kuala Lumpur

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyambut baik langkah mewajibkan potongan gaji kepada penjawat awam bagi menyelesaikan pinjaman pendidikan mereka.

Pengerusinya, Datuk Shamsul Anuar Nasarah, berkata langkah itu membolehkan aliran kewangan perbadanan berada dalam keadaan baik, sekali gus terus memainkan peranan sebagai pembiayaan utama pendidikan negara.

Dengan persetujuan potongan gaji itu, beliau berkata, jumlah kutipan bayaran balik PTPTN akan menjadi lebih stabil dan dana untuk tujuan pembiayaan semakin kukuh.

"Kami menyambut baik dan berterima kasih atas kerjasama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kerana melaksanakan potongan gaji penjawat awam untuk membayar balik pinjaman.

"Moga langkah ini akan menjadi contoh dan ikutan majikan swasta kerana ia membawa kebaikan bukan sahaja kepada peminjam sedia ada, malah bakal



Shamsul Anuar Nasarah

peminjam PTPTN," katanya ketika dihubungi, semalam.

Isnin lalu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, mengumumkan 163,007 penjawat awam yang tidak membuat pembayaran dan tidak konsisten menyelesaikan pinjaman PTPTN diwajibkan membuat potongan gaji.

Beliau dipetik berkata, sebagai permulaan, 480 warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) termasuk 136 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional akan mula membuat potongan gaji bagi bayaran balik PTPTN bermula September ini.

Sasar kumpulan RM20 juta

Mengulas lanjut, Shamsul Anuar berkata, pihaknya menasar RM20 juta mampu dikumpul menerusi bayaran balik pembiayaan PTPTN secara potongan gaji oleh penjawat awam.

Beliau berkata, penjawat awam perlu membuat potongan gaji berdasarkan jadual bayaran balik yang ditetapkan, namun jika di luar kemampuan, rundingan boleh dibuat bagi tujuan penstrukturan semula pembiayaan.

"Penstrukturan semula ansuran bulanan boleh dibuat tetapi tertakluk kepada tidak kurang lima peratus daripada pendapatan kasar dan tempoh bayaran balik sehingga tidak melebihi 60 tahun.

"Peminjam juga perlu membuat bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada jumlah ansuran yang tertunggak dan mereka yang masih di bawah pinjaman konvensional perlu bertukar kepada ujrak," katanya.

Sementara itu, beliau menyen-

INFO

Kaedah pembayaran balik pinjaman PTPTN

BH
9/7/2015
M/S 12

Kaunter PTPTN

(tunai dan tanpa tunai melalui Terminal Electronic Data Capture (EDC))

- PTPTN membuka 58 cawangan di lokasi strategik seluruh negara
- Cawangan PTPTN termasuk Pusat Transformasi Luar Bandar (UTC) dengan waktu operasi pada jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam termasuk Sabtu dan Ahad.
- Kios PTPTN turut dibuka di pasar raya yang beroperasi pada 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam termasuk hujung minggu

Perbankan internet

- CIMB Bank (www.cimbclicks.com.my)
- Maybank (www.maybank2u.com.my)
- Bank Islam (www.bankislam.biz)
- Public Bank (www.pbebank.com.my)
- RHB Bank (www.rhb.com.my)
- AmBank (www.ambankgroup.com.my)
- Bank Rakyat (www.irakyat.com.my)
- Pos Online (www.posonline.com.my)
- BSN (www.mybsn.com.my)

Kaunter Bank & Pos Malaysia

- Bank Islam
- CIMB Bank
- Bank Simpanan Nasional
- Bank Kerjasama Rakyat
- Pos Malaysia Berhad

Urusan bayaran balik pinjaman PTPTN boleh dilakukan dengan mudah melalui pelbagai cara dan saluran

Portal PTPTN e-FES

- Bank Islam
- CIMB Bank
- Public Bank
- Maybank
- Hong Leong Bank
- RHB Bank

Potongan gaji

- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)
- Semua permohonan untuk membayar balik melalui kaedah ini perlulah dirujuk kepada PTPTN terlebih dahulu.
- Borang permohonan potongan gaji boleh didapati di portal rasmi PTPTN.
- Penerima biaya perlu menghantar borang permohonan berserta nama dan alamat majikan ke PTPTN.

Pengeluaran KWSP Akaun 11

- Syarat pengeluaran KWSP Akaun II
- Permohonan pengeluaran daripada peminjam
 - Bagi peringkat pengajian ijazah dan diploma: perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi 2 Januari 2001 ke atas.
 - Permohonan pengeluaran daripada ibu bapa peminjam
 - Bagi peringkat pengajian ijazah: Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi April 2000 dan ke atas.
 - Bagi peringkat pengajian diploma: Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi 17 Januari 2006 ke atas.

rankan supaya kaedah pemotongan gaji terhadap peminjam kelas PTPTN diperluaskan kepada sektor swasta.

Katanya, adalah menjadi harapan PTPTN agar majikan sektor swasta turut sama mengambil langkah sama seperti dilakukan kepada penjawat awam.

"PTPTN akan mengambil be-

berapa langkah agar kaedah terbaik dapat diusahakan supaya sektor swasta turut membuat potongan gaji kepada kakitangan mereka," katanya.

Shamsul Anuar berkata, tindakan penguatkuasaan seperti notis peringatan, senarai hitam imigresen dan saman akan diteruskan terhadap mereka yang tidak tam-

pil menemui PTPTN dan gagal membayar balik hutang.

"Terbaru, PTPTN menyenaraikan peminjam tegar dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) mulai 16 Jun lalu, yang bertujuan mendisiplinkan mereka agar memberi keutamaan membuat bayaran balik pembiayaan," katanya.